

Mesyuarat OIC diharap temui tafsiran perigganas

KUALA LUMPUR 29 Jan. — Mesyuarat Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) mengenai keganasan yang akan dianjurkan di Malaysia tahun ini diharap dapat menemui tafsiran istilah pengganas yang diperseutujui bersama di kalangan negara anggota.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, buat masa ini tidak ada usaha bersepadu termasuk dari kalangan negara Islam untuk mendapatkan satu tafsiran mengenai pengganas.

Malah, menurutnya, di kalangan negara-negara Islam pun wujud pandangan yang berbeza-beza mengenai siapa yang sepatutnya digelar pengganas.

“Sekarang ini istilah pengganas hanya ditujukan kepada negara Islam dan umat Islam sedangkan Israel, Yahudi adalah pengganas, begitu juga Rusia yang membunuh begitu ramai orang Chechen.

“Melempar bom yang membunuh orang yang tidak bersalah itu adalah terrorism,” katanya semasa mengendalikan dialog dengan peserta Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata,

sungguhpun kebanyakan negara Islam mempunyai dana yang banyak termasuk daripada hasil minyak, umat Islam tidak kuat dan berpecah-belah ekoran terlalu mengutamakan kepentingan negara masing-masing.

Menurutnya, ini berlaku kerana kebanyakan umat Islam sekarang menolak asas

agama itu yang menggalakkan persaudaraan sesama Islam.

Beliau tidak menolak bahawa keadaan itu ada kaitannya dengan tindakan pihak Barat memilih tokoh-tokoh tertentu untuk memimpin negara-negara Islam.